

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PERDANA MENTERI MALAYSIA, DI MAJLIS
PERESMIAN HARI KOPERASI ANTARABANGSA
YANG KE 54 DI DEWAN TUNKU CHANSELOR,
UNIVERSITI MALAYA, PADA HARI SABTU,
17HB JULAI, 1976, JAM 4.00 PETANG.

Y.B. Menteri Pertanian, Datuk Ali Hj. Ahmad,
Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Hari Koperasi,
Prof. Ungku Aziz dan Ahli-Ahli
Jawatankuasanya,

Def-def Kehormat,

Saudara-saudara sekalian.

Hari ini ialah Hari Perayaan
Koperasi Antarabangsa yang ke 54. Kepada
ahli dan penyokong gerakan koperasi
di Malaysia dan di seluruh dunia, hari ini
mempunyai erti yang sangat besar kerana
ia menggambarkan perpaduan dari segi usaha,
dari segi cita-cita dan dari segi keazaman

untuk menentukan gerakan koperasi ini, berjalan dengan penuh licin dan berkesan lagi.

2. Oleh yang demikian, saya syukur ke hadzrat Allah, kerana dapat bersama-sama merayakan Hari Koperasi ini, dan dapat mendalami akan maksud serta tujuan hari ini diadakan.

3. Terlebih dahulu, saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. Datuk Ali Haji Ahmad, Menteri Pertanian, dan juga Ahli-Ahli Jawatankuasa Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa, Peringkat Nasional, kerana telah sudi menjemput

saya hadir dan seterusnya meresmikan Majlis Perayaan Hari Koperasi ini.

4. Saya suka juga mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Perayaan Peringkat Nasional, Jabatan Pembangunan Koperasi, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Majuikan, kerana telah berjaya mengadakan perayaan yang mempunyai kesan besar kepada Gerakan Koperasi di negara ini.

5. Bagi diri saya, inilah kali pertamanya saya dapat hadir di dalam Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa yang disambut pada tiap-tiap tahun. Saya sukacita mengetahui iaitu, Hari Koperasi Antarabangsa

tahun ini, buat pertama kalinya disambut serentak di seluruh negara, iaitu di peringkat nasional, negeri, residensy, bahagian dan daerah.

6. Kita boleh berbangga bahawa Hari Koperasi Antarabangsa ini, disambut di seluruh dunia oleh lebih daripada 326 juta ahli-ahlinya, di dalam 66 buah negara yang bergabung di dalam Ikatan Koperasi Antarabangsa. Oleh hal yang demikian, Ikatan Koperasi Antarabangsa, di mana Malaysia menjadi ahli, merupakan satu pertubuhan yang besar, yang mempunyai pertalian dan ikatan yang kukuh. Saya berharap di negara ini, dengan kerjasama semua pihak,

iaitu Kerajaan, pemimpin-pemimpin serta ahli-ahli Gerakan Koperasi, akan sentiasa memainkan peranan yang sesuai di dalam Pertubuhan dunia yang besar ini, serta dalam perkembangan koperasi seluruhnya.

7. Seperti yang kita maklum, Gerakan Koperasi di negara kita telah bermula dalam tahun 1922, iaitu telah lebih daripada setengah abad umurnya. Akan tetapi, oleh kerana beberapa sebab, Gerakan Koperasi di negara ini, belum lagi mencapai ke taraf yang setanding dengan negara luar. Di dalam perkara ini, saya suka mengingatkan kembali amanat Allahyarham Tun Tazak, ketika meresmikan

Hari Koperasi Antarabangsa, pada tahun yang lepas, Amanatnya itu berbunyi, "Bahawa kejayaan sesebuah Koperasi bergantung kepada tiga sifat penting, iaitu ahli yang ramai, modal yang besar dan badan pengurusan yang cekap, jujur serta terlatih." Saya bersetuju dengan pendapat tersebut, iaitu ketiga-tiga sifat ini adalah penting bagi menentukan jaya atau mundurnya sesebuah koperasi, samada di dalam negara ini ataupun di negara lain.

8. Jika kita menganalisa koperasi yang maju dan terbesar di negara ini, seperti Koperasi Bank Rakyat, Koperasi Insuran Malaysia

Berhad, Koperasi Serbaguna Malaysia Berhad, Koperasi Polis Di Raja Malaysia Berhad, Koperasi Angkatan Tentera Di Raja dan lain-lainnya, termasuk juga koperasi yang maju di luar negeri, menunjukkan iaitu koperasi tersebut mempunyai tiga sifat penting yang disebutkan itu.

9. Dengan tujuan mencapai tiga sifat penting inilah, ^{maka} Jabatan Pembangunan Koperasi, di bawah Kementerian Pertanian, sedang berusaha dan menggalakkan koperasi dalam semua bidang. Kerajaan akan menjadakan peruntukan yang cukup di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk menjayakan gerakan Koperasi. Di atas tujuan

inilah, thema yang dipilih bagi Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa tahun ini ialah:

"BERSATU TENAGA UNTUK KOPERASI SELURUH NEGARA."

Saudara-saudara sekalian,

10. Kerajaan telah mengakui dan menerima konsep dan prinsip koperasi sebagai satu alat yang penting membasmi kemiskinan, tanpa mengira keturunan, dan juga menyusun semula masyarakat, sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun, saya suka mengingatkan di sini iaitu, konsep dan prinsip koperasi hanya boleh mendatangkan faedah dan manfaat

yang sebenarnya kepada ahlinya, jika pemimpin dan pengurus sesebuah koperasi itu, menjalankan konsep dan prinsip koperasi yang tulen, dengan jujur dan penuh bertanggungjawab.

Sekiranya, para pemimpin dan pengurus sesebuah koperasi itu, baik yang besar mahupun yang kecil, tidak mengamalkan konsep dan prinsip koperasi yang sebenarnya dengan jujur dan amanah, kemungkinannya ialah faedah dan manfaat daripada Gerakan Koperasi ini, tidak dinikmati oleh semua ahli, tetapi oleh sebilangan kecil ahli sahaja.

11. Oleh hal yang demikian, mustahaklah bagi semua lapisan pemimpin dan ahli-ahli

Gerakan Koperasi, bekerjasama dengan Jabatan Kerajaan yang berkenaan, untuk mengawasi dan menentukan supaya Gerakan Koperasi di negara kita, berjalan di atas landasan koperasi yang sebenarnya. Ejen Kerajaan yang bertanggungjawab atas perjalanan Gerakan Koperasi, perlu menentukan tenaga kakitangan yang cukup, supaya menjamin Gerakan Koperasi bergerak menuju objektif-objektifnya. Ketua-ketua Jabatan hendaklah menentukan supaya pegawai mereka itu, mempunyai motivation, dedication dan sikap yang positif.

12. Saya diberitahu, di Malaysia ini dari jumlah penduduk seramai 11 juta orang, hanya lebih kurang satu juta orang sahaja menjadi

ahli kepada Gerakan Koperasi. Di negara-negara lain yang maju di dalam Gerakan ini, seperti di Sweden, Denmark, Jerman Barat, France, United Kingdom, Canada, Australia dan Jepun, peratus ahli-ahli koperasi dinilai dari nisbah penduduknya, ialah diantara 25% hingga 44%.

Pada masa ini, nisbah penduduk yang menyertai Gerakan Koperasi ^{malaysia} ~~di bawah 10%~~ ^{adalah kurang daripada 10%.} Ini menunjukkan kepada kita, pencapaian jumlah ahli dalam Gerakan Koperasi dinilai dari segi penduduk, masih belum memuaskan. Tetapi gerakan kita terus berkembang. Sungguhpun begitu, saya sukalah mengambil kesempatan menyeru semua lapisan rakyat Malaysia supaya memasuki Gerakan

Koperasi di dalam mana-mana lapangan jua.

13. Di dalam perkara ini, suka saya menitikberatkan iaitu, bukan bilangan koperasi yang didaftarkan yang mustahak, tetapi bilangan rakyat yang memasuki Gerakan Koperasi di negara ini, yang penting. Saya faham bahawa gerakan koperasi di negara kita telah berjalan, di bawah dasar dulu, dalam beberapa lapangan. Ada yang bergerak atas asas perkauman, atas asas kepentingan sesuatu dan bagi satu-satu golongan penduduk — seperti pegawai Kerajaan, anggota Tentera, Polis dan sebagainya. Di bawah konsep baru, percantuman atau gabungan koperasi di peringkat nasional, negeri,

residency, bahagian dan daerah, adalah
digalakkan, sesuai dengan apa yang telah
dan sedang dijalankan oleh Gerakan Koperasi
yang telah maju di luar negeri, seperti yang
saya sebutkan tadi. Umpamanya, di Sweden,
di mana Gerakan Koperasi sangat maju, daripada
sebanyak 1,500 buah koperasi pada suatu
masa dahulu, telah dicantum atau digabungkan
menjadi hanya 25 buah koperasi sahaja
pada masa ini. Percantuman atau gabungan
koperasi yang dijalankan oleh negara-negara
maju, dibuat dengan tujuan memperkuat dan
menjayakan lagi Gerakan Koperasi di negara
yang berkenaan itu. Oleh yang demikian, saya

difahamkan bahawa, menurut konsep koperasi sekarang, percantuman atau gabungan, terutama koperasi yang kecil-kecil, adalah digalakkan di peringkat daerah. Bagaimanapun, konsep ini akan dilaksanakan secara beransur.

Buat permulaan, koperasi kecil-kecil itu sebagai anggota disyorkan bergabung/dalam satu badan, tetapi aktivitinya berjalan seperti biasa.

Yang dimaksudkan dengan gabungan ini ialah, supaya ada badan pemandu untuk mencapai perpaduan dikalangan koperasi dan ahlinya.

13A. Saya tahu ada perbezaan pendapat mengenai konsep ini. Tetapi saya percaya perkara ini dapat dibincang dan dicari cara

pelaksanaannya, antara pihak Kerajaan dengan badan-badan yang mewakili gerakan koperasi, seperti ANGKASA. Matalamat terakhir ialah, mencantumkan semua koperasi di negara ini ke dalam kumpulan tertentu, bagi menjadikan gerakan koperasi alat yang berkesan dalam pembangunan ekonomi, terutama dalam menghadapi masalah kemiskinan.

14. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan menguntukkan wang yang besar untuk pembangunan di bidang pertanian, perdagangan dan perindustrian. Saya mahu melihat, Gerakan Koperasi mengambil bahagian yang

cergas menjalankan aktiviti mereka, di semua bidang tersebut, termasuk juga bidang perumahan, pengangkutan, perkhidmatan dan lain-lain. Melalui Ejensi-Ejensinya, Kerajaan bukan sahaja menggalakkan, bahkan sentiasa bersedia memberikan pertolongan dan kemudahan yang diperlukan oleh Gerakan Koperasi untuk mencapai matalamat, demi kepentingan dan faedah ahli-ahli Koperasi, dan mewujudkan masyarakat adil di negara ini.

15. Untuk menentukan supaya Gerakan Koperasi di negara ini berjalan dengan pesat, Akta Koperasi 1948 telahpun dipinda untuk diluaskan ke Sabah dan Sarawak.

Dengan adanya peluasan bidang koperasi itu, Kerajaan berharap Gerakan Koperasi dapat berjalan dengan lebih pesat dan lancar lagi di seluruh negara.

16. Dalam hubungan ini, saya ingin menyebut tentang adanya rayuan dan pandangan setengah-tengah pemimpin koperasi mengenai Ordinan Koperatif, iaitu Kaedah Syarikat Koperatif Pindaan 1976. Dua perkara penting yang kurang dipersetujui, iaitu Rule 10A mengenai member of Board not to be appointed for a continuous period

exceeding six years, and Rule 10B and 10C which stipulate that Executive Members of Board and Executive employee not to be appointed as member of Board of any registered company, or be employed in any capacity in any other registered society or company.

16. Saya inginlah menyatakan bahawa, setiap tindakan itu memang ada tujuan dan sebabnya. Boleh jadi, pada pandangan Koperatif yang besar, tindakan ini boleh menghalang kemajuannya, memandangkan kekurangan para pengurusan yang mahir dan dedikasi. Walau bagaimanapun, peraturan ini tidak

dimaksud dikuatkuasakan secara rigid.

Datuk Ali sudah ^{menilainya} ~~beritahu~~ saya, ia akan bersikap flexible dan adil, dalam tindakannya. Kalau ada masaalah, mintalah pertimbangannya.

Kita mahu berlaku adil. Kerajaan juga tidak mahu dengan tindakannya itu, gerakan koperasi akan lemah atau gagal.

17. Seperkara yang penting dan kurang menyenangkan setengah-tengah koperasi, ialah mengenai keputusan pihak Perbendaharaan tidak mengenakan potongan gaji di pangkal - at source -- kepada sebarang pembayaran yuran atau pinjaman kakitangan Kerajaan dengan

badan-badan koperasi, yang ahlinya bukan
seratus peratus kakitangan Kerajaan. Saya
telah menerima banyak memoranda mengenai
perkara ini, dan Pengerusi tadi telah juga
menyebutkan hal tersebut dalam ucapannya.

18. Kerajaan mengakui tentang adanya
timbul masalah dari keputusan ini, serta
kesulitan yang bakal timbul dengan pelaksanaan
keputusan itu pada akhir bulan Ogos ini.
Sebaliknya, orang ramai, khasnya ahli-ahli
koperasi, ^{juga} tentu tahu tentang sebab-sebab

yang mendorong akan keputusan tersebut. Samada sebab-sebab ini wajar atau tidak, adalah menjadi pertimbangan dan perhitungan masing-masing.

19. Saya mendapat faham bahawa ANGKASA telah mengirimi satu cadang balas atau counter proposal kepada Perbendaharaan mengenai perkara ini, dan perbincangan-perbincangan telahpun diadakan antara pihak yang berkenaan. Saya dengar Prof. Ungku Aziz akan berunding dengan Akauntan Jeneral mengenai cadangan tersebut. Pada peringkat ini, saya suka menegaskan bahawa, Kerajaan tidak menolak dan masih belum menutup pintu rundingan. Kita akan terus berusaha mencapai penyelesaian, kerana

Kerajaan juga faham, sekiranya cash-flow koperasi yang terbesar terjejas dengan keputusan itu, tentulah perkembangan koperasi akan terbantut sedikit sebanyak. Kerajaan tidak mahu perkara ini berlaku.

Setelah menyedari masalah ini, saya telah mengarahkan supaya dikaji dengan cermat segala aspek masalah itu, dan berharap satu keputusan akan diambil setelah pihak berkenaan menyelidik akan semua implikasinya. Sementara menunggu keputusan muktamad, koperasi yang berkenaan diharap sabar, kerana Kerajaan mahu bersikap adil kepada semua, asalkan badan-badan koperasi juga bersikap adil terhadap ahli, dan menjaga kepentingan mereka.

Saudara-saudara sekalian,

20. Gerakan koperasi di negara kita ini telah menjadi satu alat yang sangat penting, dalam usaha menghimpunkan modal, khususnya dari orang-orang biasa, dan kemudiannya modal tersebut di tanamkan dalam badan-badan perusahaan atau perniagaan. Kerajaan akan terus menggalakkan perkembangan ini, oleh sebab di bawah rancangan pembangunan, modal yang besar adalah dikehendaki untuk menjalankan projek awam atau swasta. Saya tahu ^{bahwa} beberapa buah koperasi yang besar, telah memberikan sumbangan yang bermakna dalam lapangan ini.

21. Buat penutupnya, suka saya menyatakan iaitu, oleh kerana Gerakan Koperasi adalah didokong oleh semua lapisan masyarakat di seluruh negara, saudara-saudara ahli sekalian, hendaklah sentiasa mengawasi dan menentukan pada setiap masa, supaya unsur-unsur subversif yang mengancam keselamatan negara ini, tidak dapat meresap pula masuk ke dalam Gerakan Koperasi di negara ini. Saya suka juga menyeru kepada semua lapisan pemimpin dan ahli koperasi di negara ini, supaya bekerjasama dan membantu Kerajaan setiap masa di dalam menghapuskan unsur-unsur komunis di dalam apa cara bentuk pun. Sebagaimana juga di dalam bidang-bidang pembangunan yang lain, pembangunan

Gerakan Koperasi memerlukan keadaan aman dan tenteram. Oleh itu, hendaklah kita semua mengekalkan keamanan dan cara hidup yang kita warisi ini, supaya dapat kita meneruskan usaha pembangunan demi kepentingan seluruh rakyat.

22. Gerakan Koperasi memasuki phase baru, dan kita menghadapinya dengan approach baru. Kerajaan mahu supaya ikatan yang erat sentiasa terjalin, antara pihak Kerajaan yang menjadi pengawas dan pemegang amanah, dan juga pihak koperasi sendiri yang menjalankan gerakan tersebut, dan menentukan kemajuan dan perkembangannya.

22A. Mengambil kesempatan perayaan ini, saya inginlah menqgariskan harapan dan langkah yang perlu diambil untuk kemajuan dan perkembangan koperasi:-

Pertama -- lebih ramai golongan professional dan terpelajar memasuki gerakan koperasi, bukan sahaja sebagai ahli, tetapi sebagai pemimpin yang sanggup memperjuangkan cita-cita dan prinsip koperasi.

Kedua -- amalan koperasi perlu ditanam dan disuburkan lagi di kalangan rakyat, khususnya anak-anak dan pelajar, supaya semangat koperasi

sentiasa hidup dan bergerak maju.
Permulaan sudahpun dibuat.

Ketiga — Gerakan koperasi patutlah
disesuaikan dengan keadaan dan
keperibadian negara kita, dan
sejajar dengan semangat Rukunegara.


Keempat — Aktiviti Gerakan Koperasi
perlu diperhebatkan di kawasan
luar bandar dalam usaha menggembeling
wang rakyat, untuk digunakan dalam
projek-projek yang boleh memberi
menafaat secara langsung kepada
mereka.

Kelima -- Tumpuan usaha gerakan
koperasi perlulah diseimbangkan
antara kawasan bandar dan
luar bandar.

23. Akhirnya, saya berdoa moga-moga perhimpunan kita pada petang ini, akan diberkati Allah, dan gerakan koperasi di negara ini, akan terus maju jaya demi kepentingan seluruh rakyat.

24. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengesihani, saya dengan sukacitanya meresmikan Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa Yang Ke 54 di peringkat nasional, pada petang ini.

Terimakasih.



AKRIB BERDANA MELAYU
PERKHIDMATAN



JUL 1978

akhirnya, saya berdoa semoga
 pertolongan kita pada petang ini akan
 diberkati Allah dan gerakan koperasi
 di negara ini akan terus maju jaya demi
 kepentingan seluruh rakyat.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah
 lagi Maha Pengasih, saya dengan
 sukacitanya meresmikan Bersyiah Hari
 Koperasi Antarabangsa Yang Ke-24 di peringkat
 nasional, pada petang, Isnin

**PERKHIDMATAN
 ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978



No Siri	202
No Penerimaan	17/78